

## ISU DAN CABARAN DALAM PENTAKSIRAN KANAK-KANAK DI TASKA

Norazly Nordin

Tel: +60173105208 Email: [azlynordin@unisel.edu.my](mailto:azlynordin@unisel.edu.my)

Muhammad Safar Abdurahman

Tel: +60195451002 Email: [m.safar07@unisel.edu.my](mailto:m.safar07@unisel.edu.my)

*Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor*

### ABSTRAK

Pentaksiran adalah satu proses yang sistematik dan berterusan untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Pentaksiran dijalankan oleh pendidik secara profesional dengan kerjasama ibu bapa menggunakan kaedah pemerhatian dan beberapa ujian standard yang lain. Pentaksiran sangat penting untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan serta sokongan atau intervensi yang diperlukan oleh seseorang kanak-kanak bagi mengoptimumkan lagi perkembangan mereka. Setiap institusi taska hendaklah melaksanakan proses pentaksiran bagi memastikan setiap kanak-kanak dapat berkembang dengan baik, holistik dan juga seimbang. Sehubungan itu, kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual ini telah dijalankan di sebuah Taska swasta di Negeri Selangor melibatkan seorang pengusaha, seorang penyelia dan empat orang pendidik bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam melaksanakan pentaksiran kanak-kanak. Hasil kajian mendapati bahawa aspek kompetensi pendidik, kerjasama daripada ibu bapa, kekangan masa dan pengurusan rekod merupakan isu dan cabaran utama dalam melaksanakan proses pentaksiran. Para informan juga mencadangkan agar latihan berterusan kepada para pendidik dan usaha advokasi secara berterusan harus digerakkan bagi tujuan memberi pencerahan kepada masyarakat serta perlunya pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi menjamin kelancaran dalam proses pentaksiran kanak-kanak.

*Kata kunci:* Pentaksiran, perkembangan, taska

### Pengenalan

Pentaksiran perkembangan kanak-kanak merupakan satu proses yang perlu dilakukan secara berterusan bagi memahami keperluan setiap kanak-kanak, mengesan pertumbuhan dan tahap perkembangan serta mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kanak-kanak. Pentaksiran juga dapat memberi petunjuk kepada guru atau pendidik dalam merangka tindakan susulan yang sesuai selari dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh seseorang kanak-kanak (Kurikulum PERMATA Negara, 2013). Akta Pendidikan 1996 juga memperuntukan bahawa pentaksiran perkembangan hendaklah dijalankan secara berterusan dan diperkuatkan lagi di dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Prasekolah)1997:

*5 (1) Tiap-tiap tadika hendaklah membuat penilaian berterusan tentang perkembangan murid-muridnya dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor.*

Di peringkat asuhan dan penjagaan kanak-kanak, institusi Taska hendaklah menyediakan laporan aktiviti yang telah disertai oleh setiap kanak-kanak dalam buku Log Harian dan mencatat perkembangan yang dicapai atau masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak pada setiap hari. Pihak Taska juga perlu menyediakan rekod-rekod pemerhatian dan pentaksiran kanak-kanak yang merangkumi senarai semak perkembangan, portfolio, rekod anekdot atau rekod berterusan dan rekod kesihatan. Pelaporan hasil pentaksiran berkenaan perlu dilengkapkan dan dibincangkan dengan ibu bapa sekurang-kurangnya setiap tiga bulan sekali (Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012). Selain itu, pihak Taska juga dikehendaki membuat pengesahan awal untuk mengesan tren perkembangan kanak-kanak dan berbincang dengan ibu bapa hasil pengesahan yang telah dibuat.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa pentaksiran merupakan satu tugas penting yang perlu dilaksanakan secara sistematik dan berterusan sejak di peringkat awal lagi. Hal ini selari dengan pendapat Nor Asnira binti Mohd Norwi (2013) yang menyatakan bahawa isu pentaksiran di prasekolah seharusnya tidak boleh dipandang remeh oleh semua pihak kerana tahap perkembangan kanak-kanak berusia 0 hingga 6 tahun adalah paling kritikal dalam pembentukan sahsiah diri manusia. Nur Idayu, Rahayu & Azman (2016), turut menyatakan bahawa prestasi kanak-kanak haruslah dikesan secara berterusan bagi memastikan prestasi mereka dalam keadaan yang baik dan selari dengan tahap perkembangan mereka. Justeru, adalah penting untuk para pendidik menjalankan proses pentaksiran kanak-kanak secara berkala dan berterusan.

Namun, proses pentaksiran bukanlah tugas yang mudah memandangkan guru atau pendidik tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran semasa. Di peringkat sekolah rendah misalnya, guru masih tidak jelas dalam proses pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang merangkumi pelbagai aspek pentaksiran termasuk tujuan, masa pelaksanaan, teknik melaksana, membuat pemerhatian, mengumpul, merekod, mentafsir dan menggunakan maklumat pentaksiran untuk membuat keputusan berkaitan pengajaran dan pembelajaran (Arsaythamby et al., 2015). Susulan itu, Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang (2016) telah mencadangkan penambahbaikan kualiti dalam pelaksanaan PBS iaitu dengan memperbanyakkan latihan dalam pentaksiran, pemantauan yang bermatlamat dan pengurangan beban kerja guru. Mohd Haidzir Yusof@Jusoh, Norasmah Othman (2019) pula menyatakan bahawa antara isu yang menjadi kekangan guru dalam melaksanakan pentaksiran alternatif di sekolah adalah kesediaan guru, sikap guru, pengetahuan pentaksiran, peruntukan masa untuk proses pengajaran dan pembelajaran, beban guru dan sokongan pihak berautoriti.

Di peringkat prasekolah pula, situasi berkenaan turut tidak dapat dielakkan. Nor Asnira (2013) Mardziah bt Abdullah, Mariani bt Md Nor & Fonny Dameaty Hutagalung (2019), mendapati bahawa ada segelintir guru prasekolah masih belum mahir melaksanakan pentaksiran kerana tidak menguasai isi kandungan kurikulum dan tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjalankan pentaksiran. Norsyafinaz dan Faridah (2018) mendapati bahawa kelayakan akademik dan tempoh perkhidmatan pendidik menjadi faktor yang mempengaruhi dalam melaksanakan pentaksiran pada peringkat awal kanak-kanak. Kajiannya menunjukkan pendidik yang mempunyai pengalaman lebih daripada tiga tahun mengatakan mereka telah merancang, melaksana dan menaksir semasa proses pengajaran dan pembelajaran pranumerasi. Situasi ini boleh dikaji dengan lebih mendalam untuk mendapatkan gambaran apakah isu-isu dan cabaran-

cabaran yang dihadapi oleh para pendidik dalam menjalankan pentaksiran perkembangan kanak-kanak.

Sehubungan itu, pihak berkepentingan dalam sektor pendidikan seperti pihak kerajaan, pengurusan sekolah, pendidik dan ibu bapa perlu bekerjasama dalam rangka pelan strategik bagi memantapkan lagi proses pentaksiran kanak-kanak seawal dengan peringkat Taska lagi. Hal ini bagi memastikan aspek perkembangan kanak-kanak dan pengesanan kelewatan perkembangan kanak-kanak sentiasa diberi keutamaan dan menjadi penanda aras kualiti perkhidmatan yang institusi-institusi yang terlibat. Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini dapat memberi maklumat yang berguna dalam memastikan proses pentaksiran kanak-kanak di Taska dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan berkesan.

### **Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah isu-isu yang sering timbul dalam pentaksiran perkembangan kanak-kanak di Taska?
2. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh institusi Taska dalam proses pentaksiran perkembangan kanak-kanak?
3. Apakah cadangan untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut?

### **Metodologi**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan temubual kelompok berfokus atau *focus group discussion* (FGD). Menurut Nyumba, Wilson, Derrick & Mukherjee (2018) FGD sering digunakan sebagai pendekatan kajian kualitatif bagi memahami secara mendalam dalam isu sosial sains.

#### ***Informan kajian***

Menurut Merriam (2009) bilangan informan yang sesuai untuk sesi FGD adalah di antara enam hingga sepuluh orang dan mempunyai pengalaman dan kepakaran di dalam bidang yang sama. Oleh itu, kajian ini telah memilih enam orang informan yang terdiri daripada seorang pengusaha taska, seorang penyelia taska dan empat orang pendidik taska. Latar belakang informan dan kod informan dijelaskan di dalam Jadual 1 di bawah.

<b>Kod</b>	<b>Jawatan Informan</b>	<b>Kelayakan akademik</b>	<b>Pengalaman</b>
<b>O1</b>	Pengusaha Taska	Sarjana	15 tahun
<b>S1</b>	Penyelia Taska	Sarjana Muda	6 tahun
<b>P1</b>	Pendidik 1	Diploma	5 tahun
<b>P2</b>	Pendidik 2	Diploma	5 tahun
<b>P3</b>	Pendidik 3	Sijil PERMATA	5 tahun
<b>P4</b>	Pendidik 4	Sijil PERMATA	5 tahun

Jadual 1: Latar belakang informan

## Dapatan Kajian

Hasil perbincangan daripada respond lisan semua informan yang terlibat di dalam sesi FGD tersebut dikumpulkan mengikut kategori. Antara kategori yang dapat disimpulkan dalam kajian ini adalah kompetensi pendidik, kerjasama daripada ibu bapa, kekangan masa dan pengurusan rekod. Dapatan kajian akan membincangkan kategori-kategori tersebut.

### **Kompetensi Pendidik**

Kesemua informan yang terlibat mempunyai kelayakan untuk menjadi kakitangan di Taska. Mereka mempunyai Sijil Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA. Syarat untuk menjadi pendidik dan bekerja di Taska adalah telah lulus Kurus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA. Perkara ini selaras dengan peruntukan perundangan iaitu Akta Taman Asuhan 1984 (Pindaan 2007) dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 yang menyatakan bahawa:

14. (2). *Pendidik/pengasuh kanak-kanak berdaftar hendaklah seorang yang*  
(a) *merupakan warganegara Malaysia*  
(b) *berumur lapan belas tahun dan ke atas*  
(c) *telah lulus kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA*  
(d) *berdaftar sebagai pendidik/pengasuh kanak-kanak berdaftar di bawah Peraturan 16*

*(Bahagian Permata, JPM, 2013 m/s 487)*

Pengetahuan dan kemahiran yang terbatas dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dalam kalangan pendidik taska adalah menjadi isu dalam melaksanakan pentaksiran perkembangan kanak-kanak. Hal ini kerana untuk menaksir, pendidik itu sendiri harus memahami konsep perkembangan kanak-kanak, menguasai batu tanda (*milestone*) kanak-kanak dan juga menguasai apakah amalan-amalan yang bersesuaian dengan perkembangan bagi memastikan proses pentaksiran berjalan dengan betul dan dapatkan itu menjadi autentik. Isunya adalah pendidik di taska tidak kompeten untuk menjalankan pentaksiran kerana mempunyai keterbatasan dalam bidang ini dan kekurangan latihan professional yang menjurus kepada aspek ini.

*“Nak menaksir kanak-kanak ni perlukan skill yang tinggi. Guru itu perlu faham konsep-konsep perkembangan, milestone, dan apakah tindakan susulan yang diberikan pada kanak-kanak. Lepasan SPM pun boleh jadi guru taska, ambil kursus permata tiga bulan je. Tak cukup latihan pun. Itulah susah nak tengok guru-guru buat pentaksiran kanak-kanak ...” (O1)*

Di samping itu, pendidik yang mempunyai perkhidmatan tempoh yang lama dilihat mempunyai kemahiran yang lebih baik daripada pendidik baru. Walaupun taraf kelayakan yang sama tetapi pendidik berpengalaman mampu untuk mengendalikan aktiviti bersama dengan lebih teratur jika dibandingkan dengan pendidik yang baru. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pendidik yang mempunyai pengalaman lebih lama mampu untuk membuat pemerhatian dan lebih peka kepada perubahan yang berlaku dalam diri kanak-kanak.

### **Kerjasama daripada ibu bapa**

Para informan mengakui bahawa untuk menjalankan pentaksiran yang lebih dipercayai dan autentik, penglibatan ibu bapa juga adalah penting. Para pendidik boleh menjalankan pemerhatian dan pentaksiran sewaktu kanak-kanak di berada di taska dan ibu bapa juga perlu memerhati dan mengesan perkembangan kanak-kanak semasa berada di rumah. Maka dengan itu, dapatkan pentaksiran tersebut akan lebih berkualiti, boleh dipercayai dan lebih autentik.

Isu dan cabaran yang dihadapi dalam pentaksiran kanak-kanak di taska ianya mendapatkan kerjasama daripada ibu bapa. Pihak taska memberikan Buku Log Perkembangan Kanak-Kanak yang mengandungi Senarai Semak Perkembangan yang telah diisi oleh para pendidik. Buku log itu diserahkan kepada ibu bapa agar pemerhatian dan pentaksiran yang seterusnya dapat dijalankan di rumah. Akan tetapi, sokongan dan kerjasama daripada ibu bapa masih sukar untuk diperolehi. Menurut informan P2, borang tersebut tidak ditanda dan jika ditanda pun hanya sekadar menanda sahaja. Akhirnya para pendidik juga yang akan menjalankan semua pemerhatian kerana tiada pemerhatian dan pentaksiran dijalankan di rumah. Tujuan pendekatan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatkan pentaksiran dan juga proses untuk membuat keputusan yang kolektif berkenaan tindakan susulan yang akan diberikan kepada setiap kanak-kanak.

*“saya bagi borang pemerhatian untuk parent pantau anak kat rumah, tetapi tak ramai pun yang buat. Ada yang hantar pun just tick sahaja tak ada catatan pun. Sudahnya nanti kami cikgu juga yang kena tick semua borang-borang tu...” (P2)*

Menurut informan S1, ibu bapa tidak memahami kepentingan pentaksiran perkembangan kanak-kanak. Mereka hanya faham taska ini hanya tempat untuk mengasuh anak mereka semasa mereka bekerja. Ibu bapa menganggap tugas pendidik taska hanya untuk mengasuh sahaja. Tidak perlu untuk mendidik, merancang aktiviti pembelajaran apatah lagi menjalankan proses pentaksiran. Salah faham ini harus ditangani dengan segara kerana pentingnya untuk potensi kanak-kanak itu dikenalpasti seawal mungkin agar boleh dikembangkan ke tahap yang lebih optimum. Sehubungan dengan itu, informan S1 mencadangkan agar usaha advokasi dan penerangan harus digerakkan secara berkala untuk membetulkan salah faham ini serta menyedarkan masyarakat mengenai pentingnya untuk melaksanakan pentaksiran secara kolaboratif.

Selain itu, informan O1 juga memberikan cadangan agar kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dimanfaatkan dalam pentaksiran perkembangan kanak-kanak secara kolaboratif dan kolektif. Perlunya ada sistem atau aplikasi mudah alih yang boleh digunakan oleh pendidik dan ibu bapa untuk memerhati dan menaksir kanak-kanak. Maka dengan itu, masing-masing boleh memainkan peranan dengan lebih baik, teratur dan berkesan.

### **Kekangan masa**

Pentaksiran kanak-kanak di Taska adalah berbeza dengan pentaksiran dalam pendidikan yang formal. Pentaksiran kanak-kanak dijalankan menerusi kaedah pemerhatian untuk proses pengumpulan data, perlu direkodkan, diinterpretasi dan dilaporkan. Proses ini memerlukan ketelitian dan penggunaan masa yang panjang bagi mengelakkan sebarang kecinciran maklumat daripada berlaku. Dapatkan kajian menunjukkan para pendidik menghadapi kekangan masa untuk menjalankan pentaksiran pada setiap kanak-kanak. Mereka sudah mempunyai sejumlah tugas

rutin yang perlu diselesaikan. Walaupun mereka menyedari bahawa tugas pentaksiran ini adalah tanggungjawab mereka, tetapi tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana terbeban dengan tugas-tugas lain seperti menyiapkan kanak-kanak, menyediakan makanan dan minuman serta tugas-tugas pembersihan dan keceriaan.

*“Kami di Taska ni dah ada jadual rutin kerja yang padat. Pagi-pagi kami bersih-bersih taska, sediakan sarapan, sambut budak, mandikan dan urus mereka, buat susu lagi. Tengahari siapkan makanan tengahari, kemudian kanak-kanak tidur. Petang mereka bangun siapkan minum petang, bawa mereka ke taman. Tak sempat nak buat pentaksiran satu-satu budak. Nak kena tengok satu-satu memang tak cukup masa ...” (P3)*

### **Pengurusan Rekod**

Pengurusan rekod perkembangan kanak-kanak juga menjadi cabaran kepada para pendidik dalam urusan pentaksiran di Taska. Segala dokumen yang berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak harus direkodkan dan sentiasa dikemaskini. Perkara ini penting dalam rangka untuk memantau perkembangan kanak-kanak dari semasa ke semasa. Menurut informan P4, pendidik berhadapan dengan masalah untuk mengurus dan mengemas kini rekod perkembangan kanak-kanak. Rekod setiap kanak-kanak disimpan di dalam fail atau folder dan perlu sentiasa dikemas kini. Segala hasil kerja, rekod perkembangan dan apa sahaja dokumen setiap kanak-kanak perlu disimpan di dalam folder tersebut.

*“Untuk pengurusan rekod, kami guna sistem filing. Semua hasil kerja kanak-kanak kami masukkan dalam file mereka. Ianya jadi susah bila nak update tu. Kena buka dan susun satu-satu. Bila tiba open day, kami nak buat pelaporan kepada parent. Sebab kena belek fail tebal tu satu satu...” (P4)*

Justeru itu, informan P4 juga beranggapan jika boleh menggunakan ICT untuk proses penyimpanan rekod, ianya akan lebih mudah, sistematik dan tidak memerlukan masa yang lain. Selain itu, dapat menjimatkan penggunaan ruang penyimpanan, kos pengurusan dan lebih selamat. Antara yang dicadangkan adalah disimpan di dalam *google drive*, *tablet* dan juga komputer.

Isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada kajian ini diringkaskan di dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Isu, cabaran dan cadangan penambahbaikan dalam pentaksiran kanak-kanak

<b>Isu dan Cabaran</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Kompetensi Pendidik	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kelayakan pendidik</li><li>• Pengetahuan dan kemahiran yang terhad</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Latihan professional berterusan</li><li><input type="checkbox"/> Disediakan modul untuk pentaksiran perkembangan kanak-kanak</li></ul>
Kerjasama daripada ibu bapa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kurang kerjasama daripada ibu bapa</li><li>• Kurang kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan pentaksiran kanak-kanak</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Usaha pencerahan dan advokasi</li><li><input type="checkbox"/> Mewujudkan sistem aplikasi mudah alih untuk pentaksiran secara kolaboratif dan kolektif</li></ul>

Kekangan masa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jadual rutin yang padat</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Mewujudkan jawatan pembantu taska untuk membantu meringankan beban pendidik.</li></ul>
Penyimpanan rekod	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sistem penyimpanan rekod yang menggunakan fail dan folder</li><li>• Menyulitkan urusan analisis</li><li>• Menyulitkan urusan pelaporan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li><input type="checkbox"/> Menggunakan sistem teknologi maklumat.</li><li><input type="checkbox"/> Menggunakan peranti seperti tablet untuk menyimpan rekod kanak-kanak</li></ul>

## Perbincangan

Sebagai seorang pendidik, menjalankan dan melaksanakan perkembangan kanak-kanak adalah tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Pentaksiran perkembangan adalah komponen penting dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana menerusnya segala kekuatan, kelemahan, potensi dan kanak dapat dikenalpasti dan seterusnya dapat dikembangkan ke tahap yang lebih optimum (Bredekamp, 2017; McAfee, Leong & Bodrova, 2016 dan Beaty, 2010).

Isu kompetensi dan kelayakan pendidik ini bukanlah satu isu baharu. Ianya telah banyak dibicarakan di dalam kajian-kajian lepas. Pendidik yang mempunyai kelayakan dan pengalaman akan melaksanakan aktiviti pembelajaran dan pentaksiran dengan lebih baik. Perkara ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Norsyafinaz dan Faridah (2018) yang menyatakan bahawa guru yang mempunyai pengalaman cenderung dalam menjalakan PdP dan penilaian pranumerasi dengan lebih baik.

Penglibatan ibu bapa dalam pentaksiran kanak-kanak juga dilihat masih lagi pada tahap yang belum memberangsangkan. Perkara ini terjadi kerana, ibu bapa tidak menyedari betapa pentingnya pentaksiran kanak-kanak dan mengapa mereka perlu terlibat. Maka dengan itu adalah dicadangkan agar satu usaha advokasi berterusan harus digerakkan untuk menyampaikan kepentingan ini kepada masyarakat umum. Usaha ini disokong oleh Anane dan Anhwere (2013) yang menyatakan bahawa satu gerakan penyampaian informasi kepada semua pihak mengenai rasional pentaksiran dijalankan ke atas kanak-kanak harus segera dilaksanakan.

Daripada cadangan penambahbaikan yang dinyatakan di atas, penggunaan ICT dilihat mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan pendidik taska. Justeru, adalah dicadangkan untuk dijalankan kajian pembangunan model pengurusan pentaksiran kanak-kanak taska atau pembangunan aplikasi mudah alih untuk tujuan pentaksiran kanak-kanak. Kajian ini boleh menggunakan Model ADDIE yang merangkumi fasa analisis (*analyse*); reka bentuk (*design*); pembangunan (*development*); pelaksanaan (*implementation*) dan penilaian (*evaluation*). Maka dengan itu, satu model, sistem atau aplikasi mudah alih itu akan lebih komprehensif dan relevan untuk digunakan dalam urusan pentaksiran perkembangan kanak-kanak.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah memberikan gambaran mengenai isu dan cabara serta cadangan penambahbaikan dalam pentaksiran perkembangan kanak-kanak di Taska. Pentaksiran kanak-kanak haruslah dijalankan dengan tatacara yang betul bagi memastikan kekuatan dan kelemahan kanak-kanak dapat dikenalpasti dan seterusnya dapat dioptimumkan ke tahap yang lebih baik. Oleh itu, pihak-pihak yang berkepentingan harus memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh

pendidik dalam hal ini agar dapat diatasi dengan segera dan menjadikan pentaksiran kanak-kanak bukan lagi satu pilihan tetapi satu kemestian.

## Rujukan

- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
- Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Pindaan 2007) (Akta 308).
- Anane, E., & Anhwere, Y., M., (2013). Assessment in Preschools in Ghana: Issues and Challenges. *Journal of Education and Practice* 4 (22): 24-30
- Arsaythamby, V, Hariharan, N.K & Ruzlan Md-Ali. (2015). Teachers' knowledge and readiness towards implementation of school-based assessment in secondary schools. *International Education Studies*, 8(11).
- Bahagian Permata (2013). *Modul Pendidik. Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata Negara*. Serdang: Penerbit UPM.
- Beaty, J., J., (2009). *Observing Development of the Young Child*. New York: Pearson
- Bredekamp, S., (2017). *Effective Practices in Early Childhood Education. Building a Foundation*. New York: Pearson.
- Fakhri Abdul Khalil & Mohd Isha Awang (2016). Isu Kesediaan Guru dalam Amalan Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *Journal of Social Science*, 2(2016):1-7.
- Malaysia (2012). Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.
- Mardziah bt Abdullah, Mariani bt Md Nor & Fonny Dameaty Hutagalung (2019). Tadbir urus pentaksiran murid dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran, Asia Pasifik*, 7(3).
- McAfee, O., Leong, D., J., & Bodrova, E., (2016). *Assessing and Guiding Young Children's Development and Learning*. New York : Pearson
- Merriam, S.,B., (2009). *Qualitative Research. A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey Bass.
- Mohd Haidzir Yusof@Jusoh & Norasmah Othman (2019). *Isu dan Permasalahan Pentaksiran Alternatif Dalam Sistem Penilaian Di Malaysia. Kertas kerja dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*. Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Norshafinaz Abdul Sani & Faridah Yunus (2018). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2). 101-110
- Nur Idayu Zulkifli, Rohayu Ab Majid & Azman Hassan. (2016). The Assessment of Children's Performance at Child Care Centre. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 234. 64-73
- Nyumba, T.O., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N., (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. Diperolehi di: <https://besjournals.onlinelibrary.wiley.com/doi/full/10.1111/2041210X.12860>